

11/11/1997

Kerajaan sambut baik langkah pemimpin

KOTA KINABALU, Isnin - Kerajaan negeri menyambut baik langkah pemimpin masyarakat Cina tempatan membincangkan usaha reformasi masyarakatnya bagi membolehkan mereka menyertai arus perdana pembangunan negara pada abad akan datang.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, berkata perbincangan awal sudah dibuat oleh pemimpin masyarakat Cina tempatan bagi mencari persepakatan kaedah terbaik supaya masyarakat Cina di negara ini mampu berada di barisan hadapan pembangunan negara.

"Usaha reformasi perlu dilaksanakan segera sama seperti dilakukan oleh kaum lain di negara ini bagi membolehkan masyarakat Cina memasuki semua sektor arus perdana pembangunan yang diperkenalkan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Mengenai Reformasi dan Inovasi Dalam Masyarakat Cina Malaysia di sini hari ini.

Turut hadir di majlis itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Ong Ka Ting, pemimpin Dewan Perniagaan Cina Sabah dan pemimpin parti MCA Sabah.

Yong bagaimanapun berkata semua perkara yang diputuskan oleh konvensyen berkenaan perlu dipatuhi oleh pemimpin dan masyarakat Cina di seluruh negara.

"Imej dan integriti masyarakat Cina termasuk pemimpinnya akan terjejas sekiranya resolusi yang dikeluarkan tidak diamalkan atau dipatuhi oleh pihak terbabit," katanya.

Sementara itu, Ong ketika ditemui pemberita sebelum itu berkata semua resolusi yang dikemukakan dalam konvensyen yang diadakan di setiap negeri akan dibincang secara terperinci dalam konvensyen peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Kuala Lumpur awal tahun depan.

Ong berkata, konvensyen mengenai reformasi masyarakat Cina diadakan selepas mendapat saranan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya masyarakat Cina turut mempunyai pendekatan baru menjelang tahun 2020.

"Usaha yang dilakukan oleh MCA adalah selaras dengan usaha parti Umno dan MIC untuk membangunkan kaum masing-masing dalam arus pembangunan negara supaya hubungan kaum lebih erat," katanya.

Ong yang juga penasihat konvensyen berkenaan berkata resolusi yang diketengahkan juga berkaitan adat dan kepercayaan yang merugikan masyarakat Cina selama ini.

"Perbincangan di peringkat kebangsaan nanti bukan sahaja berkaitan sains dan teknologi, ekonomi, perpaduan kaum tetapi juga membabitkan kepercayaan tradisi yang tidak menguntungkan masyarakat Cina untuk jangka panjang," katanya.

(END)